

NO SOALAN :281

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah geran Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri selain daripada geran populasi dan apakah kriteria bagi menentukan jumlah pemberian.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Gombak, jumlah pemberian yang dilunaskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM6.919 bilion seperti perincian di Jadual 1 yang dilampirkan. Kriteria dan asas bagi setiap pemberian adalah seperti di Jadual di bawah.

Bil	Pemberian	Asas Perundangan	Kriteria / Asas Pemberian
1	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan	Bahagian I Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan
2	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan	Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan formula di dalam Garis Panduan MARRIS
3	Pemberian Pertambahan Hasil	Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	Pemberian ini bersifat <i>revenue sharing</i> iaitu apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun jika berbandingkan tahun sebelumnya.
4	Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Berasaskan Kaedah Keseimbangan)	Akta <i>State Grants (Maintenance of Local Authorities)</i> 1982	Berdasarkan perkiraan geran tahunan yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan
5	Bayaran Perkhidmatan Kepada Negeri-negeri	Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan	10% untuk Semenanjung dan 12% untuk Sabah dan Sarawak daripada kos projek Persekutuan yang dibelanjakan pada tahun sebelumnya

Bil	Pemberian	Asas Perundangan	Kriteria / Asas Pemberian
6	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	Jadual 9 senarai 3 Perlembagaan Persekutuan	Pemberian adalah bagi membiayai 50% kos pengurusan pada tahun sebelumnya bagi agensi-agensi berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat • Jabatan Veterinar • Jabatan Pengairan dan Saliran • Jabatan Perancang Bandar dan desa • Majlis Sukan Negeri
7	Bayaran Pemansuhan Duti Import Dan Eksais Atas Barangan Petroleum Kepada Negeri Sabah Dan Sarawak	Keputusan Kerajaan bagi membantu meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebelum pelaksanaan AFTA	
8	Pemberian Bantuan Bil Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Keputusan Majlis Kewangan Negara	50% daripada caj bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat berdasarkan bil sebenar tahun sebelumnya
9	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	Keputusan Majlis Kewangan	Had kelayakan maksimum pemberian kepada negeri berdasarkan kepada keputusan Majlis Kewangan negara 1993 dan pindaan tahun 25 Oktober 2005.

Bil	Pemberian	Asas Perundangan	Kriteria / Asas Pemberian
10	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan	Pemberian ini hanya boleh sekiranya sesebuah negeri mengalami defisit dalam akaun mengurus berdasarkan penyata tahunan yang telah diaudit oleh Jabatan Akauntan Negara.
11	Pemberian Kepada Perpustakaan Negeri	Jadual 9 senarai 3 Perlembagaan Persekutuan	50% kos pengurusan perpustakaan negeri pada tahun sebelumnya
12	Pemberian Kepada Muzium Negeri	Jadual 9 senarai 3 Perlembagaan Persekutuan	50% kos pengurusan muzium negeri pada tahun sebelumnya
13	Pemberian Khas Tahunan Sabah	Perkara 112C(1)(a) Perlembagaan Persekutuan	
14	Pemberian Khas Tahunan Sarawak	Perkara 112C(1)(a) Perlembagaan Persekutuan	
15	Pemberian Tahunan Selangor	Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan kewangan) 1982 Surat Perjanjian Penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 1995	
16	Pemberian Tahunan Kedah	Pewujudan Negeri Pulau Pinang Berdasarkan Perjanjian tahun 1869	